

SIARAN MEDIA

NUANSA URBAN ROHANI HIDUPKAN MALAM KUALA LUMPUR SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1448 HIJRAH

KUALA LUMPUR, 25 OGOS 2026 – Program Nuansa Urban Rohani 2026 (NUR26) Hijrah Malam Cinta Rasul berjaya raih perhatian awam yang menggalakkan dengan menyinari malam ibu kota Kuala Lumpur sempena sambutan Maulidur Rasul 1448 Hijrah di Laman Beringin, Istana Budaya. Buat julung kalinya program ini merupakan usahasama dan sinergi di antara Istana Budaya dan TV AlHijrah menganjurkan program berbentuk islamik dan kerohanian bagi memupuk semangat kecintaan kepada Rasulullah SAW.

Kedua-dua badan Kerajaan dari Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) ini turut mengambil kesempatan atas tema **MADANI Dihayati, Ummah Diberkati** dengan pelbagai pendekatan seni persembahan yang menarik dan antaranya adalah menerusi monolog, nasyid, sketsa, bacaan Al-Quran, hadis, tarannum, berzanji, qasidah, marhaban dan selawat.

YBrs. Encik Johan Cruyff @ Mohd Johari bin Md Nordin, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Istana Budaya menyatakan “semoga program islamik dan kerohanian ini dapat dijadikan sebagai program *signature* tahunan Istana Budaya dan kerjasama berterusan bersama TV AlHijrah agar program ini dapat memberi bermanfaat kepada masyarakat juga generasi muda untuk terus mengimarahkan dan memupuk semangat kecintaan terhadap Nabi Muhammad SAW menerusi seni persembahan yang berskala cemerlang yang berteraskan elemen dakwah dan kerohanian.”

NUR26 dakwah berbentuk hiburan ini turut menjadi wadah penerapan nilai Malaysia MADANI melalui pendekatan seni dan kerohanian yang menyemai nilai kesejahteraan, hormat, keyakinan serta ihsan dalam kalangan komuniti, masyarakat dan generasi muda. Turut mengangkat konsep kontemporari dan moden, program ini disajikan dalam suasana santai dengan pendekatan festival yang sederhana, mudah dan ringan, sekali gus dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat.

Program bermula seawal jam 2.00 petang dengan pengisian program seperti **Pencarian Urban Muazzin, Podcast Tausiah & Ibrah** bersama Ustaz Jalal Zaiki dan Ustaz Izmir Fareez, perkongsian daripada **Cinta Gaza Malaysia & Cinta Salam Malaysia, Refleksi Quran “Dari Mata Turun ke Hati”** bersama Ustaz Husaini Mahmur dan Ustaz Ahmad Tirmizi Haji Ali sehinggalah ke sesi solat maghrib berjemaah menerusi program **Satu Hati, Satu Saf** bertempat di lokasi yang sama iaitu Lambang Sari, Istana Budaya.

Malam kemuncak bermula jam 8.00 malam menyaksikan persembahan utama menerusi program **Kanvas Seni Islam “NUR26 Hijrah Malam Cinta Rasul”** yang turut menghimpunkan barisan selebriti dan ikon Islam jemputan antaranya Ahmad Fetri Yahya, Ustaz Hariri Daud, Heliza dan Hazwani Helmi, Wan Sharmila, kumpulan Inteam, Hijjaz, NowSeeHeart, Faheem, Zayne, Al Maqari dan Ustaz Azraie Abdul Hak sekeluarga bertempat di Laman Beringin, Istana Budaya. Dua (2) kumpulan residen utama Istana Budaya turut terlibat iaitu Artis Tari Istana Budaya (ARTISTANA) dan Orkestra Tradisional Malaysia (OTM) menerusi pemuzik solo Gambus dan Seruling.

Sementara menantikan persembahan utama malam kemuncak tersebut, tidak ketinggalan pengisian slot **Resonansi Quran** berlangsung di Laman Beringin mulai jam 6.00 petang yang dikendalikan oleh Ustaz Mohamad Yusuf Kassim. Turut menjadi pengisian Istimewa sepanjang hari ialah **Letter to Rasulullah**, yang memberi peluang kepada pengunjung menulis nota dengan tema *“Kalau saya dapat berjumpa dengan Rasulullah...”*. Nota tersebut akan dipamerkan menerusi *Wall of Love Rasulullah* sebagai simbolik luahan kecintaan kepada Rasulullah SAW.

Turut diserikan dengan penglibatan pelajar-pelajar tahfiz dari Sekolah Tahfiz Darul Haafizhiin Al-Furqan iaitu seramai 25 pelajar lelaki dan 30 pelajar perempuan bersama lima (5) guru pengiring. Disamping menyemai generasi pelapis-pelapis agamawan Islam, pelajar-pelajar ini juga berpeluang untuk turut serta dengan pelbagai acara, program seni serta persembahan yang Istana Budaya anjurkan.

IKIMfm selaku rakan strategik dan radio rasmi program NUR26 tidak melepaskan peluang memeriahkan lagi suasana dengan bersiaran langsung mulai jam 1.00 petang dari dalam bangunan panggung Istana Budaya. Selain dapat melihat mini konti IKIMfm, pengunjung juga berpeluang untuk mengunjungi reruai komponen rakan strategik yang lain di ruang lobi bangunan panggung dan antaranya adalah Tabung Haji, Kementerian Dalam Negeri, Islamic Tourism Centre, Tourism Malaysia, Cinta Gaza Malaysia, Cinta Salam Malaysia dan Khat Studio.

Selain dari TV AlHijrah dan IKIMfm, Istana Budaya turut menjalinkan kerjasama strategik dengan media digital tempatan Xavier Naxa dan agensi KL Hop-On Hop-Off dalam usahasama untuk mempromosikan NUR26 dengan lebih meluas.

Program NUR26 ini akan disiarkan secara langsung menerusi TV AlHijrah, platform digital AlHijrah Plus serta radio IKIMfm, supaya masyarakat yang tidak dapat hadir secara fizikal juga berpeluang untuk mengikuti program ini.

Pengunjung juga berpeluang berkunjung ke **Muamalat Bazaar Corner** di Lambang Beringin, Istana Budaya mulai jam 2.00 petang dengan reruai yang disediakan seperti In Saff Travel & Tours, Telekung Zara Awliya, Ff Success Network, Ade Azhar Trading Sdn. Bhd., Abaya Faqena, The Prayer Mat, Inteam Records, Create Frenzy Resources dan Z'lyka Empire.

Selain itu turut dimeriahkan lagi dengan barisan *food truck* seperti ChaTraMue, smashedLAH, Ketagih Fatia, Jainaim Enterprise, Babarittos dan Kopi Ais Mamu.

Selawat, Seni, Jiwa Urban

"Menyentuh jiwa, menginspirasi hati, menyatukan seni & spiritual dalam nuansa Islam moden."

###

Unit Perhubungan Awam
ISTANA BUDAYA

Tel: 03-4026 5555 Fax: 03-4025 5975

Website: www.istanabudaya.gov.my E-mel: info@istanabudaya.gov.my

Facebook, Instagram: [@istanabudaya](#) & TikTok: [@istanabudayaofficial](#)